

13 JUN 2000

Johor-Jualan Mega

JOHOR AKAN TURUT JADI TUAN RUMAH JUALAN MEGA OGOS DEPAN

JOHOR BAHARU, 13 Jun (Bernama) -- Bandaraya Johor Baharu telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi pelancaran Jualan Mega selain Kuala Lumpur, Ogos ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Dr Chua Soi Lek berkata acara jualan tahunan itu akan berlangsung selama sebulan antara 5 Ogos dan 5 Sept.

"Pelancaran di Kuala Lumpur akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi akan merasmikan pelancaran di Johor Baharu secara serentak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bulan Citrawarna Malaysia Peringkat Negeri di Plaza Angsana di sini malam tadi.

Katanya bagi menjayakan jualan mega itu kerajaan negeri meminta kompleks perniagaan, hotel, pasaraya, agensi-agensi pelancongan supaya memberikan sokongan dan menjayakannya.

"Kita percaya dengan adanya program sedemikian, ramai rakyat Singapura dapat turut membanjiri negeri ini seperti yang berlaku pada jualan murah yang diadakan pada bulan Mac lepas," katanya.

Katanya bilangan rakyat Singapura yang datang ke sini meningkat daripada 500,000 setiap bulan kepada 800,000 pada bulan Mac lepas.

"Pihak swasta didapati tidak semua yang terlibat, sedangkan mereka yang banyak mengaut keuntungan. Mereka juga menyerahkan bulat-bulat tugas mempromosi kepada kerajaan dan Jabatan Pelancongan Negeri," kata Dr Chua.

Menurut Dr Chua pihak swasta termasuk agensi pelancongan, hotel-hotel dan resort golf sepatutnya mengadakan pelbagai pakej yang menarik seperti memberikan diskaun, menyediakan kemudahan pengangkutan, hadiah percuma dan lain-lain tarikan yang dapat menarik pelancong ke negeri ini.

"Kerajaan negeri berharap mereka (pihak swasta) mempunyai masa yang cukup untuk menyiapkan diri dari sekarang supaya kita sama-sama dapat menjayakan program jualan mega ini, Ogos depan," katanya.

Sementara itu, Dr Chua berkata kerajaan negeri telah meluluskan sebanyak RM120,000 bagi kerja-kerja pengubahsuaian kompleks B di Tambak Johor bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Katanya kerja-kerja pengubahsuaian itu akan mengambil masa antara satu dan dua bulan dan akan bermula tidak lama lagi.

"Dengan pengubahsuaian, pelepasan pihak imigresen dan kastam akan menjadi lebih lancar dan memudahkan para pengguna terutamanya para pelancong dari Singapura," katanya.

-- BERNAMA

RAM LAT